

19 NOV 2000

LID-WANITA

LID BANTU WANITA AFRIKA CEBURI BIDANG PERNIAGAAN

Oleh: Arul Rajoo

LANGKAWI, 19 Nov (Bernama) -- Wanita Afrika kini lebih cenderung ke arah menceburi bidang perniagaan dan semakin berani meneroka keluar daripada "masyarakat penguasaan lelaki" mereka, kata seorang delegasi Zimbabwe di Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID), hari ini.

Fenomena ini, kata Dr Ruth Labedo, muncul hasil daripada penyertaan mereka dalam LID sejak ia diasaskan pada 1995 di mana lebih banyak peluang bagi wanita dicipta menerusi konsep Perkongsian Bestari.

"Dialog itu berjaya menyedarkan kami. Kami mula mempelajari daripada yang lain menerusi perkongsian ini," kata Labedo, pengarah perubatan wilayah pertama negara itu.

Labedo berkata terdapat banyak perkara yang boleh dipelajari dari Malaysia di mana antara lainnya adalah keusahawanan, perdagangan, bagaimana keusahawanan kecil dan sederhana disokong dan bagaimana untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam tempoh-tempoh sukar.

Malahan, beliau berkata satu kumpulan ahli perniagaan wanita telah bergerak bersendirian di negara ini untuk mencari peluang perniagaan manakala satu program telah dirancang oleh J. Mutasa, Presiden Organisasi Wanita Pertubuhan Peribumi untuk menghantar golongan wanita mendapat latihan keusahawanan di sini.

Beliau berkata Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersetuju untuk menganjurkan satu lawatan yang dijangka diadakan pada Februari depan.

Apabila ditanya mengenai pembabitan wanita Afrika dalam perniagaan, Labedo berkata mereka masih lagi jauh ketinggalan kerana budaya mereka tidak pernah memberi peluang kepada wanita untuk bergiat aktif.

"Budaya kami tidak membenarkan wanita keluar menonjolkan diri...semuanya dikuasai oleh lelaki. Saya adalah pengarah wanita pertama wilayah selepas 20 tahun kami merdeka dan saya masih lagi menjadi orang yang pertama," tambahnya.

Labedo berkata dialog seumpama itu memberi peluang kepada negara-negara Afrika melihat sendiri kemajuan di sini dan mewujudkan hubungan perniagaan penting bagi pembangunan benua mereka.

Menurutnya, mekanisme untuk membasmi kemiskinan adalah penting sambil menambah program-program yang boleh memajukan keusahawanan di kalangan golongan wanita perlu diwujudkan.

Beliau berkata lebih banyak negara-negara Afrika sepatutnya diundang untuk menyertai LID agar lebih ramai orang terutama wanita mampu mendapat manfaat daripadanya.

Ketika Sesi Khas Kumpulan Isu Sosial yang dihadiri oleh Wanita-Wanita Pertama hari ini, Labedo berkata mereka juga menegaskan akan kepentingan untuk terus menggunakan DDT, bahan kimia anti-malaria, di negara mereka.

Beliau berkata terdapat kempen oleh beberapa organisasi bukan kerajaan di Afrika yang mengharamkan penggunaan DDT.

"NGO menggunakan isu-isu alam sekitar untuk mengharamkan DDT. Kami menghormati pandangan mereka tetapi kami lebih menghormati nyawa rakyat dan kanak-kanak. Wanita-Wanita Pertama memberikan sokongan mereka terhadap isu itu dan seorang daripada mereka akan membawa perkara ini ke satu persidangan di Cape Town tidak lama lagi," tambahnya.-- BERNAMA

AR SHY FR ZK